

16/04/2001

Quzier unggul Piala Perdana

Mohd Ali Majid

QUZIER Ambak membuktikan keunggulannya apabila menjuarai acara grand prix show jumping pada hari terakhir cabaran Ekuin Piala Perdana 2001 di Padang Polo Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, semalam.

Pada saingan yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ekuin gemilang 2001 itu mengetepikan cabaran lapan peserta lain untuk meraih hadiah wang tunai RM9,000.

Dengan memacu Heros, kuda yang membantunya meraih gangsa pada Sukan Asia di Bangkok 1998, Quzier mencatat masa 97.99 saat tanpa menjatuhkan sebarang halangan setinggi 130sm.

"Saya puas hati dengan kejayaan ini kerana ketinggian 130 sentimeter jarang diadakan dan kedudukan halangan yang agak rapat menyebabkan laluan menjadi sukar dan paling mencabar," katanya.

Beliau berkata, dia mampu melakukan terbaik kerana pengalaman bertanding dalam pelbagai kejohanan di peringkat antarabangsa seperti Sukan Asia dan liga Piala Dunia memberi sedikit kelebihan.

"Jika kedudukan ini dapat dipertahankan saya yakin mampu menyumbang pingat pada Sukan Sea nanti," katanya yang menjadikan kejohanan ini sebagai pemanas badan menjelang sukan dwi-tahunan, September nanti.

Pada saingan semalam, dia mendapat tentangan sengit ekuin terbaik negara seperti Peter Abisheganaden, Nina Melkonian, Qabil Ambak, Ruzailina Zainal Abidin, Syed Omar Abu Bakar, Jason Cheon dan Eric Koh.

Peter Abisheganaden yang berpengalaman 20 tahun dalam sukan ekuin meraih tempat kedua dengan catatan masa 92.42 saat tetapi dikenakan empat penalti.

Sementara Qabil Ambak, seorang lagi ekuin gemilang 2001 serta menjadi pilihan pertama kejohanan, sekadar meraih tempat ketiga dengan catatan 93.93 saat dengan empat mata penalti.

Kegagalan Qabil antara lain disebabkan terpaksa meminjam kuda Quzier, Domingo kerana kuda kesayangannya Red Cloud yang sepatutnya diturunkan mengalami kecederaan kerana terkena paku sebelum permulaan.

"Jika Red Cloud dapat bersama saya pagi ini (semalam) mungkin keputusan memihak kepada saya," katanya yang akan kembali ke Belgium hari ini kerana meneruskan pengajian dan berlatih dalam sirkuit Eropah.

Bekas ekuin kebangsaan, Eric Koh yang menunggang Roberto Bold pula di tangga keempat dengan catatan masa terpantas 88.80 saat tetapi dikenakan lapan penalti.

Sementara ekuin berasal dari Jerman Nina Melkonian yang masih segar dengan kemenangan pada acara Piala Premier kelmarin sekadar meraih tempat kelima.

Dia yang menunggang Xulana mencatat masa 96.27 saat dan dikenakan 12 mata penalti kerana menjatuhkan tiga halangan.

Dua lagi ekuin gemilang 2001 Ruzailina Zainal Abidin yang menunggang Murphy Brown dan Syed Omar Abu Bakar dengan Jason, gagal meneruskan saingan kerana terjatuh sewaktu membuat lompatan.

Dalam dressage acara ujian individu bagi ekuin gemilang 2001, Putri Alia Suraya keluar dari bayangan Abdullah Zahir dengan menduduki tempat pertama mengumpul 658 mata.

Sementara Abdul Salim Fazly yang menunggang Castor di tangga kedua setelah mengumpul 608 mata. Abdullah Zahir pula yang meraih tempat pertama dalam ujian berpasukan kelmarin di tangga ketiga dengan mengumpul 573.

"Markah ini masih belum mencukupi dan kami terpaksa berlatih lebih gigih

untuk bersaing dalam Sukan Sea nanti," kata Abdul Salim.

Sebelum ini, dia yang julung kali dipilih menyertai skuad negara memberi tumpuan kepada acara show jumping.